

Qur'an ialah firman Allah berikut:

قَالُوا أَذُغَ لَنَا رَبِّكَ يُبَيِّنُ لَنَا مَا لَوْنُهَا قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقِعٌ لَوْنُهَا تَسُرُّ النَّاظِرِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: Mereka berkata: “Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menerangkan kepada kami apa warnanya”. Musa menjawab: “Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu betina itu adalah lembu betina yang kuning, yang kuning tua warnanya, lagi menyenangkan orang-orang yang memandangnya.” (al-Baqarah:69).

Mula-mula sekali disebutkan warna kuning secara umum sebagai sifat lembu yang dimaksudkan. Kemudian disebut pula kuning itu kuning tua, bukan kuning biasa. Dan akhir sekali disebutkan warna kuningnya itu menyenangkan mata orang-orang yang memandangnya. Demikianlah kelebihan dan kepujian warna lembu itu disebut berperingkat-peringkat, dari yang cantik kepada yang lebih cantik.

Antara contoh sifat kecelaan dan kekurangan yang dapat dikemukakan daripada al-Qur'an pula ialah firman Allah berikut:

قَتَلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

Bermaksud: Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" dengan keadaan taat dan merendah diri. (at-Taubah:29).

Ithlaq (menyebutkan sesuatu hukum secara muthlaq) menghendaki persamaan.	الإِطْلَاقُ يَقْتَضِي الْمَسَاوَاةَ.	قاعدة 31
--	--------------------------------------	----------

Apabila sesuatu hukum disebut secara mutlaq, maka ia kekal dengan kemutlaqannya. Ia tidak harus diqaid atau ditakhsiskan dengan sesuatu.

Aplikasi qaedah ini dapat dilihat pada firman Allah berikut:

(1)

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَّدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَّرتُهُمْ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْفَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفَّرتُهُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٨٩﴾

Bermaksud: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah dia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah dan jagalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepadamu ayat-ayatNya (hukum-hukum agamaNya) supaya kamu bersyukur. (al-Maa'idah:89).

Memberi makan kepada sepuluh orang miskin disebut Allah sebagai salah satu bentuk kaffarah sumpah. Ia disebut secara mutlaq. Maka termasuklah di dalam kata orang miskin itu lelaki, perempuan, tua, muda, besar, kecil dan lain-lain. Kedudukan mereka sama saja.

Allah juga menyebut memerdekakan seorang hamba sebagai salah satu bentuk kaffarah sumpah. Tidak disebutnya hamba yang bagaimana. Hamba disebut secara mutlaq juga, maka termasuklah dalam kata hamba itu hamba lelaki, hamba perempuan, hamba muslim, hamba kafir dan lain-lain. Kedudukan mereka sebagai kaffarah sumpah sama saja.

Demikian juga Allah menyebutkan berpuasa tiga hari secara mutlaq, maka ia tidak disyaratkan berturut-turut. Tidak juga ia disyaratkan pada bulan-bulan tertentu, maka bolehlah berpuasa tiga hari sebagai kaffarah sumpah pada bulan-bulan mana sekalipun. Tidak perlu ia dikerjakan secara berturut-turut. Ia boleh juga dikerjakan secara terpisah-pisah.